



● TUNKU ABDUL RAHMAN

# TUNKU: LAWATAN KE CHINA PELUANG KAJI UMAT ISLAM

KUALA LUMPUR, Rabu — Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj hari ini berkata, lawatan beliau ke negara China akan memberi peluang kepadanya mengkaji keadaan masyarakat Islam di negara itu serta cara hidup mereka.

"Kita akan membantu jika mereka memerlukan bantuan kita," ujarnya.

Menurut Tunku Abdul Rahman lagi, beliau dan rombongannya seramai 10 orang akan berbin-cang dengan pihak-pihak berkenaan di negara itu.

"Kami juga menyediakan berbagai maklumat mengenai agama Islam untuk pengetahuan masyarakat Islam di sana khususnya di tempat-tempat kami akan lawati iaitu Peking, Shanghai, Hangchow dan Canton," katanya.

Berucap di majlis perasmian kursus intensif du'at anjuran Majlis Dakwah Islamiah Serantau Asia Tenggara dan Pasifik (RISEAP) beliau berkata, "komunis Cina menyedari membantu orang-orang Islam menjadi umat yang baik, kita juga menolong mereka menjadi warganegara yang lebih baik."

Beliau selaku Presiden RISEAP memberitahu, Islam mengajar umatnya mematuhi undang-undang serta peraturan negara di mana mereka tinggal.

Di samping itu, Islam juga katanya, menyuruh umatnya hidup berharmoni dengan kaum-kaum lain.

"Mana Kerajaan pun tidak patut menganggap jalan yang kami ikuti sebagai merbahaya, tetapi sebaliknya menganggapnya sebagai suatu kebaikan kepada mereka," katanya.

Tunku Abdul Rahman menegaskan, seorang Islam yang baik adalah berharga kepada mana-mana negara kerana Islam mengamalkan sikap toleransi dan muhibah.